

The Ultimate Trading Challenge

Terma & Syarat

1. "The Ultimate Trading Challenge", yang selepas ini dirujuk sebagai "Pertandingan", tersedia untuk pelanggan baharu dan sedia ada Tickmill Ltd.
2. Klien mesti berumur lebih daripada 18 tahun untuk menyertai Pertandingan ini.
3. Pertandingan ini bermula pada Monday, 2nd of March 2026 jam 00:00 GMT+3 dan berakhir pada Thursday, 30th of April 2026 jam 24:00 GMT+3.
4. Untuk mengambil bahagian, Klien mesti memenuhi kesemua keperluan di bawah:
 - a. Buka akaun kempen "Cabaran Dagangan" baharu melalui Kawasan Pelanggan mereka.
 - b. Lakukan satu deposit baharu yang bernilai sekurang-kurangnya USD100 (atau setara) dalam satu transaksi tunggal ke akaun kempen mereka.

Nota: Internal transfers from Tickmill wallets to the campaign account are not permitted and will be disabled during the Competition. Transfers from the campaign account out to wallets will be available.
 - c. Laksanakan dagangan sebarang instrumen yang tersedia merentasi sebarang kelas aset, dan sasarkan untuk mencapai peratusan ROI (pulangan pelaburan) tertinggi.
 - d. Sila ambil maklum, selepas kempen berakhir atau sekiranya berlaku penyingkiran, anda mempunyai 30 hari untuk menutup dagangan dan memindahkan dana. Tiada dagangan baharu harus dibuka. Selepas 30 hari, semua posisi akan ditutup dan dana dipindahkan ke dalam Dompot anda. Akaun akan diarkibkan selepas kempen berakhir.
5. 10 peserta teratas dengan peratusan ROI (pulangan pelaburan) yang tertinggi akan memenangi Hadiah Wang Tunai seperti yang ditunjukkan di bawah. ROI dikira sebagai peratusan keuntungan atau kerugian berdasarkan jumlah keseluruhan yang didepositkan ke dalam akaun kempen sepanjang tempoh Pertandingan.

Formula:

$$\frac{(P/L \text{ Ditutup} + P/L \text{ Terapung})}{\text{JUMLAH (deposit*)}} = *100\% \text{ ROI } (\%)$$

* Jumlah deposit dalam akaun kempen.

6. Jika dua pemenang mencapai ROI yang sama pada akhir pertandingan, peserta yang mempunyai jumlah deposit tertinggi akan menjadi pemenang. Jika jumlah deposit juga sama, bilangan lot yang didagangkan akan diambil kira untuk menentukan pemenang.
7. Papan pendahulu akan dikemas kini setiap hari di Kawasan Pelanggan supaya anda boleh memantau kemajuan anda.
8. Tiada bonus atau promosi lain akan tersedia kepada peserta sepanjang tempoh Pertandingan ini.
9. Hadiah Wang Tunai akan dianugerahkan seperti berikut:

Kedudukan	Hadiah Wang Tunai
Pertama	USD12,000
Ke-2	USD8,000
Ke-3	USD5,000
Ke-4 – Ke-6	USD1,000
Ke-7 – Ke-10	USD500
JUMLAH	USD30,000

10. Pemenang hadiah akan diumumkan melalui e-mel sepuluh (10) hari bekerja selepas tamat pertandingan.
11. Hadiah akan dikreditkan ke dalam dompet Tickmill para pemenang dalam tempoh sepuluh (10) hari bekerja selepas tamat Pertandingan. Hadiah boleh dikeluarkan sepenuhnya tanpa had.

12. Pertandingan hanya akan diteruskan jika terdapat sekurang-kurangnya 100 peserta. Jika kurang daripada 100 peserta mendaftar, Pertandingan akan dibatalkan dan akaun kempen mereka akan menjadi akaun perdagangan biasa.
13. Tickmill berhak untuk menukar Terma dan Syarat Pertandingan dan/atau menangguhkan, menggantung atau menamatkan Pertandingan pada bila-bila masa, tanpa notis awal dan tanpa liabiliti kepada peserta.
14. Tickmill berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana peserta dan/atau menolak pemberian Hadiah Wang Tunai jika ia mempunyai alasan untuk mempercayai bahawa ia akan digunakan bertentangan dengan peraturan dan polisinya atau jika terdapat sebarang penyalahgunaan Terma dan Syarat Pertandingan ini dan/atau yang berkenaan dengan Perjanjian Perkhidmatan Pelanggan Tickmill. Penyalahgunaan termasuk tetapi tidak terhad kepada pengeluaran jumlah sebelum Pertandingan dan mendepositkan semula jumlah yang sama atau kurang ke akaun kempen.
15. Pemenang bersetuju untuk mengambil bahagian dalam acara promosi, wawancara dan/atau pengumuman awam yang berkaitan dengan Pertandingan.
16. Peserta bersetuju bahawa maklumat yang diberikan semasa dan selepas pendaftaran Pertandingan boleh digunakan oleh Tickmill dalam konteks pertandingan dan untuk tujuan pemasaran lain.
17. Pekerja Tickmill, keluarga dan tanggungan mereka tidak dibenarkan menyertai pertandingan.
18. Dengan mendaftar untuk pertandingan, pelanggan mengakui bahawa mereka telah membaca dan bersetuju dengan terma dan syarat ini.
19. Bahasa bagi Terma dan Syarat ini ialah Bahasa Inggeris. Tickmill mungkin menyediakan Terma dan Syarat dalam mana-mana bahasa selain daripada Bahasa Inggeris. Versi terjemahan Terma dan Syarat adalah untuk tujuan maklumat sahaja dan tidak terikat di sisi undang-undang. Jika terdapat sebarang perselisihan atau percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan versi terjemahan Terma dan Syarat, versi Bahasa Inggeris akan menjadi versi yang berkuat kuasa serta diguna pakai.